

06/02/2000

Ramai tidak tergoda wang, kuasa

Syed Akbar Ali

MENANGGUHKAN pencalonan dan pertandingan untuk jawatan tinggi hanya menjadi penyelesaian sementara saja dan tidak mengatasi penyakit yang lebih serius yang masih menimpa Umno.

Apabila Dr Mahathir mengkritik Tunku Abdul Rahman pada 1970, Dr Mahathir dibuang daripada parti. Apabila Datuk Harun Idris ditangkap atas tuduhan rasuah, ramai ahli Umno yang membantah Tun Hussein Onn. Kemudian apabila Tengku Razaleigh Hamzah kalah pada 1987, Umno berpecah. Apabila Anwar dipecat, Umno hampir kalah dalam pilihan raya dan parti Umno masih bergolak.

Dan sekarang percakaran sesama wanita dalam Umno bukan saja berasaskan perkara perkara yang remeh (tidak ada percanggahan tentang sosioekonomi, agama atau hak wanita misalnya), tetapi ia juga menjadi bahan ketawa bagi rakyat Malaysia lain.

Walaupun 50 tahun sudah berlalu, rupanya Umno belum lagi mencapai satu tahap kematangan yang sempurna untuk menguruskan hal rumah tangganya sendiri. Amalan menangguhkan pertandingan juga boleh menjadi satu precedent yang berbahaya. Apakah jaminannya bahawa pemimpin parti pada masa akan datang tidak akan menggunakan penangguhan pertandingan untuk mengelakkan perpecahan sebagai taktik untuk mengekalkan kedudukan mereka?

Walau apapun dolak dalik dalam parti, tetapi dalam usaha membangunkan negara dan dalam usaha membangunkan rakyat pelbagai kaum dalam keadaan harmonis, Umno tidak mempunyai perbandingannya. Begitu juga pemimpin Umno yang menjadi menteri adalah orang yang berkebolehan dalam kerjaya mereka sehingga mereka diakui pemerhati dunia sebagai arif dan pakar. Disebabkan itu juga negara kita boleh mencapai kejayaan dalam ekonomi, kewangan, perindustrian, perdagangan dan hal ehwal antarabangsa.

Sebagai individu, pemimpin Umno adalah orang yang berkebolehan. Perkara yang menjadi 'penghalang' bagi mereka untuk merealisasikan kebolehan mereka dengan sepenuhnya ialah sistem atau prosedur dalam parti yang masih tidak efisien.

Umno juga sudah begitu berjaya meningkatkan taraf Bumiputera sehingga apa yang dulu dianggap sebagai keistimewaan untuk Bumiputera sekarang dianggap sebagai hak bagi mereka. Umno sudah berjuang dengan berjayanya untuk peluang ekonomi, bantuan pendidikan sehingga peringkat universiti, pembangunan luar bandar, biasiswa dan bantuan modal dan banyak lagi rancangan bantuan sehingga boleh ada orang yang berpendapat mereka tidak perlu berterima kasih atas usaha Umno ini. Semua ini memang hak mereka.

Walaupun pemilihan pemimpin menjadi upacara yang sering membawa cabaran kepada Umno, itu tidak bermaksud Umno lebih kecundang daripada parti pembangkang. Sebenarnya parti pembangkang yang berada dalam keadaan yang kurang stabil daripada Umno.

DAP misalnya langsung tidak mempunyai barisan pemimpin pelapis untuk menggantikan Lim Kit Siang. Dalam 31 tahun yang sudah berlalu DAP tidak mengambil berat untuk mengasuh atau membangunkan pemimpin barisan kedua yang boleh menandingi Kit Siang.

Sebaliknya sokongan kuat Kit Siang terhadap anaknya sendiri Lim Guan Eng mengakibatkan sebahagian ahli DAP keluar daripada parti. Dan bab ini masih berterusan dengan peletakan jawatan pengerusi DAP Melaka yang juga mencetuskan perbuatan merosakkan undi ketika proses pilihan dalam DAP. Dan yang menjadi hakikat juga ialah bahawa maulana agung DAP Kit Siang sekarang sudah memegang parti itu dalam tangannya selama 31 tahun - satu

rekod yang patut dicatat dalam Malaysia Book of Records.

Memandangkan gaya dan kelantangan Kit Siang, beliau mungkin berazam untuk terus kekal sebagai pemimpin agung DAP. Ini akan membawa padah yang teruk kepada DAP. Sebaliknya, jika Kit Siang sudi turun dari takhtanya, itu pun akan menyebabkan perpecahan dalam DAP sebab DAP tidak ada sistem untuk menangani pengalihan kuasa (succession plan).

Begitu juga jika Guan Eng dijadikan pengganti Kit Siang. DAP akan hancur. Berbanding dengan kerumitan yang sebegini dalam DAP, Umno masih berada dalam keadaan lebih kukuh.

Parti Pas pula dipimpin oleh serban yang suka menganggap diri mereka sebagai ulama. Masalah yang dihadapi kaum ulama ialah mereka tidak boleh sehaluan dalam apa pun untuk selama-lamanya. Melihat kepada sejarah kaum ulama, mereka lazimnya suka berpecah menjadi mazhab tertentu - masing-masing gembira dengan serpihan yang menjadi anutan mereka.

Misalnya, sejak Hadi menjadi Menteri Besar Terengganu, Nik Aziz terpaksa berkursus dengan Hadi tentang cukai kharaj, pelupusan cukai pintu dan sebagainya. Hadi pula tidak pernah menyahut seruan Nik Aziz untuk meminta bantuan syaitan, menyukat wajah dan paras wanita. Dan yang terbaru ialah kemunculan mazhab baru dalam Pas yang inginkan Harakah mengutamakan berita yang benar.

Pas hanya berani bersuara apabila mereka hendak mengkafirkan orang atau apabila mereka hendak mengaibkan orang lain atas kesilapan mereka. Walaupun sudah 10 tahun memerintah Kelantan, jarang sekali Pas melaungkan kesan rancangan pembangunan mereka selain minta duit daripada Kerajaan Pusat.

Kita juga jangan lupa, sebelum Anwar dipecat daripada Umno, `tin kosong' dalam Pas seperti Mat Sabu telah menghentam Anwar dan Umno dengan sekeras-kerasnya kerana belum diambil tindakan ke atas kes Anwar pada waktu itu. Selepas dia dipecat, Anwar diperkudakan oleh Pas dan Umno pula dimaki hamun. Maka politik Pas tidak lain daripada haiwan dubuk yang hidup dengan makan bangkai.

Sebagai sebuah parti yang sudah memerintah negara kita dengan berjaya sekali Umno tidak mengamalkan tabii seperti ini dan Umno tidak perlu menjadi hipokrit juga. Setakat ini Umno tidak pernah mengeluarkan fatwa ahli Umno tidak boleh membaca Harakah atau mana-mana akhbar pihak pembangkang.

Sebaliknya, Pas yang melarang ahlinya daripada membaca akhbar harian. Di sinipun Umno menunjukkan satu kematangan yang lebih baik daripada Pas.

Jadi, ada banyak kelebihan dalam parti Umno yang boleh dibanggakan. Seperti juga cara saintifik doktor yang mengenal pasti sesuatu penyakit selepas memerhatikan tandanya, doktor dan pakar Umno perlu serius untuk menangani masalah pemilihan pemimpin dan pengalihan kuasa.

Ia paling tidak sihat jika Umno terpaksa mengalami pergolakan, perpecahan dan percakaran setiap kali apabila perlu diadakan pertandingan untuk pilihan parti.

Satu cara yang mungkin berkesan untuk mengurangkan pertandingan atau perebutan yang tidak sihat ialah dengan menghadkan tempoh pemegang jawatan tinggi dalam parti. Misalnya jawatan presiden boleh dihadkan untuk dua penggal saja dan mungkin begitu juga jawatan ketua negeri (bakal Menteri Besar).

Pada masa lampau, Umno mungkin tidak mempunyai orang yang cukup untuk memegang teraju pimpinan, tetapi pada waktu ini, hasil daripada kejayaan perjuangan Umno sendiri, Umno mempunyai ramai pemimpin dan ahli professional berkaliber yang boleh mengambil alih pimpinan parti.

Umno perlu mewujudkan satu sistem yang membolehkan pemimpin pelapis dinaikkan pangkat dalam parti (melalui pemilihan) dengan cara yang berkesan tanpa menyebabkan sebarang pergolakan. Ini hanya boleh berjaya jika pemimpin yang dipilih itu menumpukan perhatian mereka 100 peratus

untuk kebaikan parti dan masyarakat Bumiputera.

Dan sesudah mereka menyumbangkan tenaga dan masa untuk memimpin parti untuk tempoh tertentu, mereka harus bersara dan memberi peluang kepada pemimpin lain pula mengambil tempat mereka.

Umno juga perlu mengenali pemimpin parti dengan lebih intim dan rapat. Janganlah membenarkan orang sumbang menduduki tempat tinggi dalam parti lagi. Begitu juga mereka yang lebih suka kepada kuasa dan kekayaan harus diketepikan. Umno tidak perlu risau kerana masih terdapat paling ramai manusia di atas muka bumi Allah ini yang tidak terdoda oleh kuasa, wang, lelaki atau wanita.

(END)